



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Perlindungan Data Peribadi ini berfungsi sebagai sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat bagi semua perhubungan kontraktual dalam berurusan dengan CJ Century Logistics Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya (selepas ini dirujuk sebagai “**CJ CENTURY**”) yang mungkin memerlukan anda untuk memberikan data peribadi bagi meneruskan hubungan kontraktual, atau bagi tujuan mengemaskini maklumat, bila mana diperlukan untuk meneruskan hubungan kontraktual anda, dengan satu atau lebih anak-anak syarikat dan/atau diperolehi daripada perkhidmatan pembekal pihak ketiga termasuk pelaporan kredit dan agensi-agensi yang seumpamanya, bagi membolehkan CJ CENTURY membuat penilaian (atau meneruskan penilaian) hubungan kontraktual anda dengan satu atau lebih anak syarikat CJ CENTURY.

CJ CENTURY komited sepenuhnya dalam melindungi hak dan privasi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”). Bagi maksud Notis Perlindungan Data Peribadi ini, terma “**Data Peribadi**” merujuk kepada informasi yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang individu yang dikenalpasti atau boleh dikenalpasti melalui maklumat tersebut atau maklumat lain yang diproses oleh pihak CJ CENTURY.

CJ CENTURY, sebagai pengguna data yang memproses Data Peribadi anda, mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi sebagaimana yang diringkaskan di bawah.

1. Prinsip Am – Pemprosesan bermaksud mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi atau menjalankan apa-apa operasi atau set operasi ke atas data peribadi anda. Dengan melawat laman web kami atau berinteraksi dengan kami atau dengan mengemukakan Data Peribadi anda kepada CJ CENTURY, anda telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada CJ CENTURY untuk memproses Data Peribadi anda mengikut yang dibenarkan oleh undang-undang sebagaimana yang dikenalpastikan dalam Notis ini.
2. Notis dan Pilihan – Data Peribadi yang diperolehi oleh CJ CENTURY akan diproses dan digunakan bagi tujuan berikut tetapi tidak terhad kepada;
 - a. Untuk penyimpanan rekod dalaman;
 - b. Untuk penyediaan Perjanjian dan/atau kontrak;
 - c. Untuk memberi perkhidmatan dan produk;
 - d. Untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan dan produk kami;
 - e. Untuk membolehkan anda membekalkan perkhidmatan dan produk kepada CJ CENTURY;
 - f. Untuk menilai surat sebut harga dan /atau permohonan kerja;
 - g. Untuk menilai penyertaan anda dalam peraduan / program yang dianjurkan oleh CJ CENTURY;
 - h. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalaman;
 - i. Untuk menghantar maklumat promosi dan tawaran berdasarkan obligasi kontrak anda;
 - j. Untuk lebih memahami keperluan anda sebagai pelanggan dan pembekal perkhidmatan atau vendor;
 - k. Untuk tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan;
 - l. Untuk analisis statistik;
 - m. Untuk laporan dalaman/luaran kepada badan-badan berkanun yang berkaitan;
 - n. Untuk tujuan memprofil keutamaan anda;
 - o. Untuk mematuhi prosedur standard CJ CENTURY berkaitan polisi kualiti, keselamatan dan kesihatan;
 - p. Untuk aktiviti-aktiviti kewangan dan pemasaran;
 - q. Untuk tujuan tadbir urus korporat kami;
 - r. Untuk kutipan bayaran tertunggak dari pelanggan-pelanggan;
 - s. Untuk langkah pencegahan sebarang jenayah dan/atau kegiatan haram;
 - t. Bagi memenuhi keperluan mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan dengan perkhidmatan dan produk kami dan membuat penzahiran seperti yang diperlukan di bawah mana-mana undang-undang samada tempatan mahupun antarabangsa, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, tatakelakuan terhadap kami atau mana-mana anak syarikat kumpulan CJ CENTURY.

3. Prinsip Penzahiran – CJ CENTURY mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan CJ CENTURY, pembekal perkhidmatan, saudagar-saudagar dan rakan strategik CJ CENTURY, pembekal-pembekal termasuk agensi pungutan hutang, penasihat professional, organisasi industri yang berkaitan, agensi rujukan kredit dan agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kerajaan ATAU mana-mana agensi yang berkenaan, pekerja masing-masing dan/atau mana-mana orang, samada bertempat di dalam atau di luar Malaysia bagi tujuan Bahagian 2 di atas. Data Peribadi anda mungkin juga akan didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga yang berkenaan akibat daripada sebarang penyusunan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam Kumpulan CJ CENTURY.
4. Prinsip Keselamatan – CJ CENTURY akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi Data Peribadi anda dari hilang, disalahguna, diubahsuai, diakses atau didedahkan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan. Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, disimpan, digunakan dan diproses dalam bidang kuasa lain selain Malaysia, kepada syarikat-syarikat di bawah Media Prima yang terletak di luar Malaysia dan/atau di mana pelayan Media Prima terletak di luar Malaysia. Anda memahami dan bersetuju kepada pemindahan Data Peribadi anda ke luar daripada Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini.
5. Prinsip Penyimpanan – CJ CENTURY akan memastikan bahawa CJ CENTURY akan hanya menyimpan Data Peribadi anda apabila perlu dan hanya untuk tempoh yang difikirkan sesuai oleh keperluan dalaman CJ CENTURY dan/atau undang-undang yang berkaitan.
6. Prinsip Data Integriti – CJ CENTURY akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan mengambil kira tujuan, termasuk tujuan lain yang berkaitan secara langsung, yang mana Data Peribadi dikumpul and seterusnya diproses.
7. Prinsip Akses – Sekiranya anda mendapat tahu tentang sebarang ketidaktepatan, ketidaklengkapan, mengelirukan atau jika Data Peribadi yang diberikan sebelum ini telah jadi tidak tepat, sila beritahu CJ CENTURY dan hantarkan permintaan anda secara bertulis ke alamat yang berikut:

CJ CENTURY LOGISTICS HOLDINGS BERHAD

Lot 8, Lingkaran Sultan Mohamed 1,
Bandar Sultan Suleiman,
P.O. Box 93,
42008 Port Klang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603 3375 5888
Fax: +603 3375 5969
Email: info@cjcentury.com
Web: www.cjcentury.com

CJ CENTURY berhak untuk mengenakan bayaran pemprosesan data bagi permintaan anda.

Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda, CJ CENTURY berhak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembedulan terhadap Data Peribadi anda atas alasan-alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti di mana pemberian akses kepada anda adalah tidak seimbang dengan risiko atau privasi anda atau privasi orang lain.

Notis ini dikeluarkan dalam dwibahasa, English dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat percanggahan di antara versi English dan Bahasa Malaysia pada Notis ini, versi English akan diguna pakai.

CJ CENTURY berhak untuk mengubahsuai, mengemaskini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis yang dikemaskinikan di Laman web. Dengan terus berkomunikasi dengan CJ CENTURY atau dengan terus menggunakan perkhidmatan CJ CENTURY berikutan pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan kepada Notis ini, tindakan tersebut akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan.